

Satu tinjauan pekerjaan siswazah baru-baru ini melaporkan bahawa lulusan Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) yang melakukan pekerjaan bebas meningkat daripada 1.7 peratus pada 2016 kepada 2.4 peratus tahun lalu. Apakah sebab-sebab yang mendorong lulusan baru dan muda ini mengikuti laluan tersebut? Adakah melakukan pekerjaan bebas sesuatu yang positif? Berikut Berita Harian meneroka kisah lulusan universiti baru yang menjadi pekerja bebas. Laporan oleh **SHAHIDA SARHID** (sshahida@sph.com.sg) dan **IRMA KAMARUDIN** (irmak@sph.com.sg).

Lulusan universiti perlu terbuka raih kemahiran

TREND lebih ramai lulusan universiti baru melakukan kerja bebas bukanlah sesuatu yang mengejutkan, kata Penolong Setiausaha Agung Kesatuan Kongres Sekerja Kebangsaan (NTUC), Encik Zainal Sapari.

Beliau, yang juga Anggota Parlimen GRC Pasir Ris-Punggol, berkata golongan tersebut mungkin meraih inspirasi daripada kisah anak-anak muda yang mengedap keusahawanan menerusi semangat keusahawanan mereka.

Dengan kisah sedemikian dikongsi di media sosial, lulusan baru mungkin terdorong melakukan yang sama.

"Jika lulusan muda itu melakukan pekerjaan bebas bagi mengejar minat atau kerana mereka mempunyai semangat keusahawanan, ia sesuatu yang harus digalakkan," kata beliau.

Laporan tinjauan pekerjaan siswazah bersama yang melibatkan lulusan Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) baru-baru ini mendedahkan bahawa lebih ramai lulusan universiti bekerja secara bebas tahun lalu.

Sekitar 2.4 peratus daripada mereka bekerja secara bebas pada 2017 berbanding 1.7 peratus lulusan pada 2016.

Jurulatih Kerjaya dari WSG Careers Connect, Cik Emilena Abdul Rahman berkata pekerjaan bebas mungkin menarik kepada lulusan baru kerana ia membantu mereka menemukan kerjaya yang diminati sementara menikmati aturan pekerjaan fleksibiliti dan dibayar mengikut apa yang mereka fikir layak diterima.

Pekerjaan bebas yang sesuai dan baik juga akan membantu meningkatkan pengalaman pekerjaan lulusan baru dan membantu mereka meraih kemahiran baru, tambahnya.

"Apa pun pilihan yang diambil, saya menasihati lulusan baru untuk secara aktif merancang kerjaya mereka berbanding hanya melompat dari satu pekerjaan ke pekerjaan lain," kata beliau.

Sementara itu, Encik Zainal menambah bahawa masih terdapat banyak peluang baik bagi lulusan universiti dalam pasaran pekerjaan hari ini, namun mereka perlu mengimbangi jangkaan mereka.

Justeru, beliau berkata mereka yang melakukan pekerjaan bebas

"Lulusan muda harus terbuka meraih kemahiran dan pengetahuan baru untuk mendapatkan pekerjaan. Cabaran dalam pasaran pekerjaan lebih menjurus kepada karyawan pertengahan kerjaya, namun pemerintah memberi insentif kepada majikan untuk mengambil mereka bekerja menerusi Program Penukaran Kerjaya."

— Penolong Setiausaha Agung Kesatuan Kongres Sekerja Kebangsaan (NTUC) Zainal Sapari.

"Apa pun pilihan yang diambil, saya menasihati lulusan baru untuk secara aktif merancang kerjaya mereka berbanding hanya melompat dari satu pekerjaan ke pekerjaan lain."

— Jurulatih Kerjaya dari WSG Careers Connect, Cik Emilena Abdul Rahman.

mungkin berbuat demikian kerana pekerjaan yang sedia ada tidak dapat memenuhi jangkaan mereka.

"Lulusan muda harus terbuka meraih kemahiran dan pengetahuan baru untuk mendapatkan pekerjaan."

"Cabaran dalam pasaran pekerjaan lebih menjurus kepada golongan karyawan pertengahan kerjaya, namun pemerintah memberi insentif kepada majikan untuk mengambil mereka bekerja menerusi Program Penukaran Kerjaya," kata beliau.

Tinjauan tersebut juga mendapati hampir sembilan daripada setiap 10 lulusan – atau 88.9 peratus lulusan universiti itu – mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas selesai peperiksaan akhir mereka.

Mereka bekerja sepenuh masa, sambilan, sementara atau secara bebas.

Lagi tiga peratus lulusan telah menerima tawaran pekerjaan tetapi belum mula bekerja saat tinjauan itu dijalankan.

Bagaimanapun, jumlah lulusan yang mendapat pekerjaan tetap sepenuh masa pula merosot daripada 79.9 peratus pada 2016 kepada 78.4 peratus tahun lalu.

Penolong Ketua Pengarah NTUC serta Pengarah Unit Pekerja Bebas


dan Pekerja Sendiri, Encik Ang Hin Koe, berkata gerakan buruh mahu memastikan bahawa apa jua laluan yang dipilih lulusan universiti baru, mereka dapat menikmati sekiranya kerja selamat yang mempunyai amalan adil dan menyediakan peluang bagi mata pencarian berkecualan.

Beliau menambah bahawa golongan belia atau mereka yang bakal tamat pengajian boleh mendekati kaunselor bimbingan pendidikan dan kerjaya di sekolah, politeknik atau Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan jurulatih kerjaya di pusat kerjaya e2i dan Tenaga Kerja Singapura (WSG) untuk membantu membuat pilihan kerjaya.

"Adalah baik sekiranya kami dapat memperkukuh saluran untuk membimbing belia atau mereka yang bakal tamat pengajian bagi pilihan kerjaya yang sesuai sebagai batu loncatan aspirasi mereka."

"Sokongan penasihat kerjaya sedemikian juga boleh dipertingkatkan menerusi kerjasama dengan kumpulan pekerja bebas di mana mereka boleh menjadi mentor, menjalankan sesi ceramah untuk berkongsi pandangan dan meningkatkan kesedaran tentang jenis pekerjaan bebas yang berlainan," kata beliau.

Sarjana kepujian SMU ajar muzik sementara menanti peluang pekerjaan sepenuh masa



GEMAR PADA MUZIK: Encik Syafiq Bustamam berkata beliau akan terus mengajar pelajar bermain dram meskipun selepas mendapat kerja tetap kelak. — Foto SYAFIQ BUSTAMAM

SEJAK di darjah dua semasa menuntut di Sekolah Rendah Princess Elizabeth, sehinggalah ke Institut Saint Joseph dan kemudian ke Maktab Rendah Anderson, Encik Syafiq Bustamam, telah melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum band di sekolahnya.

Bermain trompet dan dikelilingi dengan muzik memang sudah sebatih dengan kehidupan pemuda berusia 28 tahun ini.

Untuk meluaskan lagi pengetahuannya dalam bidang muzik, anak kedua tiga beradik ini mula mempelajari sendiri cara-cara bermain dram sebelum memulakan pengajian peringkat ijazahnya di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Encik Syafiq yang juga aktif bermain dram bersama band luar, kemudian meneruskan minatnya dengan mengajar mereka yang bermain dram.

Malah sesi mengajar itu dilanjutkan sehingga selepas beliau tamat pengajian di universiti sekitar Julai tahun lalu.

Beliau yang berjaya meraih ijazah sarjana kepujian Sains Sosial dengan pengkhususan dalam psikologi, kini masih giat mengajar dram kepada penuntut SMU muda lain yang baru sahaja berjinjak-jinjak dalam bermain dram.

Setiap satu jam kelas, Encik Syafiq mengenakan bayaran sekitar \$30. Buat masa ini beliau mempunyai sekitar 10 pelajar berusia di antara 15 tahun dengan 22 tahun.

Katanya, menjadi instruktur muzik secara bebas selepas meraih ijazah hanya merupakan sesuatu pekerjaan sementara sedang beliau menantikan peluang pekerjaan sepenuh masa yang lain.

Kata Encik Syafiq, yang pernah bekerja sambil belajar selama tujuh bulan di sebuah sekolah yang mengajar kanak-kanak autistik - Sekolah Eden - beliau berminat menjadi ahli terapi bagi pelajar berkeperluan khas.

"Selapan tamat pengajian di universiti, saya sebenarnya tidak

tergesa-gesa untuk mendapatkan pekerjaan baru.

"Malah saya hanya menghantar beberapa surat permohonan kerja kepada beberapa pertubuhan dan sekolah yang saya beminat," jelasnya.

Tambahnya, beliau sudahpun menjalani beberapa sesi temuduga dan sedang menunggu keputusan jawapan daripada mereka.

Menurut Encik Syafiq, kemahiran yang dipelajarinya sebagai instruktur muzik sekarang sebenarnya akan banyak membantu dalam kerjaya seterusnya sebagai ahli terapi.

"Kemahiran yang diraih boleh diaplikasikan jika saya meraih pekerjaan sepenuh masa kelak."

"Ini termasuk nilai seperti kesabaran dan cara mengajar pelajar," ujarnya.

Anak kepada jurutera dan suri rumah ini berkata beliau akan terus mengajar muzik pada masa lapang meskipun setelah mendapat pekerjaan sepenuh masa.

Siswazah NUS kini 'influencer' media sosial raih pendapatan sampingan

MELIHAT jumlah pengikutnya yang melebihi 4,000 orang di Instagram, memang tidak dinafikan Cik Ashikin Hamidon merupakan antara 'influencer' media sosial hari ini.

Beliau sering menggayakan pakaian dan tudung terkini daripada beberapa jenama fesyen tempatan dan memuat naik gambar-gambar beliau menggayakannya di akaun Instagramnya - @ashyclair.

Pengaruhnya yang meluas di kalangan penggemar fesyen dalam talian telah membuahkan hasil bagi siswazah Universiti Nasional Singapura (NUS) ini.

Beliau yang meraih ijazah dengan Kepujian dalam jurusan Ekonomi, kini bekerja secara bebas sebagai model gaya muslimah sekaligus meraih pendapatan daripadanya.

Anak sulung tiga beradik ini mengenakan bayaran sekitar \$40 sejam bagi setiap 'photoshoot' dengan kebanyakan jenama setempat mendapatkan khidmatnya sehingga tiga jam bagi setiap pengambilan gambar.

Jumlahnya juga berbeza bagi pengambilan gambar di kawasan luar.

"Sedemikian apabla hampir dengan musim Raya, jumlahnya agak banyak dan permintaan akan kerap," katanya.

Namun selain menjadi model bebas, Cik Ashikin, 23 tahun, yang merupakan bekas penuntut Maktab Rendah Raffles ini juga aktif membuat pemasaran bagi syarikat Rosevalley.

"Saya memang berminat dalam pemasaran sejak di maktab rendah lagi apabila saya selaku naib presiden melakukan sega-



AMBIL LALUAN BERBEZA: Cik Ashikin Hamidon memilih untuk menerokai pekerjaan bebas selaku model muslimah, dan menjadi pegawai pemasaran bebas bagi beberapa syarikat tempatan. — Foto EXPERIMENTS

la unsur pemasaran bagi setiap acara yang dilakukan persatuan bahasa Melayu sekolah.

"Di NUS pula, sebagai ketua perhubungan awam untuk persatuan bahasa Melayu, saya juga membuat pemasaran bagi pelbagai acara berkaitan budaya Melayu," ujarnya.

Beliau juga kini membantu temannya, memasarkan perniagaan

kecerasannya - Start Station.

Untuk meningkatkan pengetahuannya, Cik Ashikin juga telah mengikuti beberapa kursus pemasaran.

Namun bagi bekas pelajar Sekolah Perempuan Cedar ini, mencari kerja tetap dalam bidang pemasaran bukan di dalam senarai perkara yang ingin dilakukannya.

"Sebenarnya banyak aspek pemasaran dapat saya pelajari dengan melakukan kerja ini secara bebas."

"Selain memupuk nilai seperti ketabahan dan kecekalan, ia juga mengajar saya bagaimana untuk terus berusaha dan bekerjasama dengan syarikat lain dalam memasarkan sesuatu jenama," ujarnya positif.